

Chin: TPM Umum Keputusan Kerajaan Pusat Berhubung Isu Air Selangor Dalam Masa Terdekat
Bernama
25 Julai, 2012

PUTRAJAYA, 25 Julai (Bernama) -- Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Peter Chin Fah Kui berkata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin akan mengeluarkan kenyataan penting dan muktamad kerajaan persekutuan berhubung isu air Selangor yang semakin meruncing ketika ini, dalam masa terdekat.

Beliau berkata sebarang keputusan yang akan diambil kerajaan berhubung isu itu tentunya mengambil kira kepentingan dan keperluan rakyat Selangor dengan memastikan bekalan air di negeri itu mencukupi bagi jangka masa panjang.

"Peguam Negara (AG) masih bermesyuarat dan akan melaporkan kepada Timbalan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Khas Mengenai Isu-isu Air Selangor.

"Buat masa sekarang kita masih kumpulkan semua maklumat berkaitan isu ini termasuk saranan-saranan daripada semua pihak termasuk pihak negeri, pengguna (rakyat Selangor) dan pihak syarikat berkenaan.

"Selepas itu Timbalan Perdana Menteri akan keluarkan satu kenyataan dalam masa satu dua hari," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran Kibar Jalur Gemilang 2012 sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-55 peringkat kementerian, di sini pada Rabu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683152>

